



**PANDUAN DAN KAEDAH PENGANUGERAHAN SIJIL  
KEPADA PELAJAR GAGAL DAN DIBERHENTIKAN  
PROGRAM DIPLOMA POLITEKNIK  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**EDISI 1/2015**

Dikeluarkan Oleh:

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN,  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK**

## **1. LATAR BELAKANG**

Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik di dalam mesyuaratnya pada 27 Jun 2003 (Mesyuarat Bil 1/2003) telah meluluskan cadangan mengenai penganugerahan sijil kepada pelajar yang mendapat keputusan Gagal Berhenti pada Semester 5 atau Semester 6 Kursus Diploma (Kemasukan Terus) dan berkuatkuasa mulai Sesi Pertama 2004.

Hasil rujukan kepada pihak *Malaysian Qualification Accreditation* (MQA), telah dimaklumkan bahawa keputusan melaksanakan “Penganugerahan Sijil kepada pelajar yang mendapat Keputusan Gagal Berhenti pada Semester 5 dan Semester 6 kursus Diploma (Kemasukan Terus) adalah tertakluk kepada polisi dan peraturan Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik, JPP”.

Sehubungan dengan itu, melalui Mesyuarat Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik Bil 1/2014 yang telah bersidang pada 13 Februari 2014, ahli lembaga telah memutuskan agar dilaksanakan semakan semula panduan tersebut supaya memenuhi keperluan dan kehendak penganugerahan ini.

## **2. TUJUAN**

Panduan ini adalah bertujuan mewujudkan keseragaman bagi semua Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia dalam penganugerahan sijil kepada pelajar berstatus Gagal dan Diberhentikan program diploma politeknik. Panduan ini terpakai kepada pelajar yang memperolehi keputusan Gagal dan Diberhentikan bermula daripada sesi Jun 2015. Penganugerahan ini hanya melibatkan pelajar sesi semasa dan keputusan Jawatankuasa Peperiksaan Politeknik adalah muktamad.

### **3. SYARAT-SYARAT AM KELAYAKAN PELAJAR**


Pelajar yang layak dipertimbangkan bagi tujuan penganugerahan sijil berkaitan perlu memenuhi syarat-syarat am berikut;

- i. Memperoleh minimum 60 jam kredit termasuk Latihan Industri dan kursus-kursus yang LULUS sahaja;
- ii. Mendapat keputusan Gagal dan Diberhentikan pada penilaian akhir semester;
- iii. HPNM bersamaan atau lebih 2.00 adalah kumulatif nilai mata kursus-kursus yang LULUS sahaja;
- iv. Mencapai peratus kehadiran sekurang-kurangnya 80% bagi semua kursus pada semester yang gagal;
- v. Telah menduduki SEMUA peperiksaan akhir yang disyaratkan pada semester yang gagal;
- vi. Pelajar tidak dikenakan tindakan disiplin atau tatatertib sepanjang pengajian; dan
- vii. Pelajar tidak dikenakan tindakan kerana melanggar Peraturan dan Arahan-arahan Am Peperiksaan pada semester yang gagal.
- viii. Pelajar yang mendapat pekerjaan selepas Gagal dan Diberhentikan boleh dipertimbangkan sebagai telah menjalani Latihan Industri;
- ix. Pelajar yang belum menjalani Latihan Industri perlu merujuk ke Unit Latihan Industri untuk menjalani Latihan Industri;
- x. Pelajar yang telah bekerja perlu merujuk ke Unit Latihan Industri untuk mendapatkan kelulusan persetaraan pengalaman bekerja bagi menggantikan Latihan Industri.

### **4. PENGANUGERAHAN SIJIL**

- i. Pelajar yang dianugerahkan sijil tidak layak menghadiri konvokesyen.
- ii. Senarai pelajar akan dimasukkan dalam Senarai Lulusan Politeknik.
- iii. Politeknik akan membuat urusan berkaitan dengan penganugerahan sijil bagi pelajar berkenaan.

## CARTA ALIR CADANGAN PENGANUGERAHAN SIJIL KEPADA PELAJAR GAGAL DAN DIBERHENTIKAN PROGRAM DIPLOMA



\*\*Rujuk **Garis Panduan Pengurusan dan Kaedah Penilaian Latihan Industri Politeknik KPT Edisi 2013**

## LAMPIRAN

### Jabatan Kejuruteraan Awam

<b>Bil</b>	<b>Program Diploma</b>	<b>Program Sijil Yang Boleh Dianugerahkan</b>
1	Diploma Kejuruteraan Awam	Sijil Kejuruteraan Awam
2	Diploma Seni Bina	Sijil Seni Bina
3	Diploma Geomatik	Sijil Ukur Tanah
4	Diploma Ukur Bahan	Sijil Ukur Bahan
5	Diploma Ukur Tanah	Sijil Ukur Tanah
6	Diploma Teknologi Berasaskan Kayu	Sijil Teknologi Berasaskan Kayu
7	Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan	Sijil Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan
8	Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah	Sijil Perancangan Bandar dan Wilayah
9	Diploma Kejuruteraan Alam Sekitar	Sijil Kejuruteraan Awam

### Jabatan Kejuruteraan Elektrik

<b>Bil</b>	<b>Program Diploma</b>	<b>Program Sijil Yang Boleh Dianugerahkan</b>
1	Diploma Kejuruteraan Elektrik	Sijil Kejuruteraan Elektrik (Kuasa) – (SEK)
2	Diploma Kejuruteraan Elektronik (Kawalan)	Sijil Kejuruteraan Elektronik (Kawalan) – (SJK)
3	Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer)	Sijil Kejuruteraan Elektronik (Komputer) –(STK)
4	Diploma Kejuruteraan Elektronik (Perubatan)	Sijil Kejuruteraan Elektronik – (SKE)
5	Diploma Kejuruteraan Elektronik (Optoelektronik)	Sijil Kejuruteraan Elektronik – (SKE)
6	Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)	Sijil Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) – (SEP)
7	Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik	Sijil Kejuruteraan Elektronik – (SKE)
8	Diploma Kejuruteraan Elektrik (Tenaga Hijau)	Sijil Kejuruteraan Elektrik (Kuasa) – (SEK)

### Jabatan Kejuruteraan Mekanikal

<b>Bil</b>	<b>Program Diploma</b>	<b>Program Sijil Yang Boleh Dianugerahkan</b>
1	Diploma Kejuruteraan Mekanikal	Sijil Kejuruteraan Mekanikal
2	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan)	Sijil Kejuruteraan Mekanikal
3	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Loji)	Sijil Kejuruteraan Mekanikal
4	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Tekstil)	Sijil Kejuruteraan Mekanikal
5	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Bahan)	Sijil Kejuruteraan Mekanikal
6	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembungkusan)	Sijil Kejuruteraan Mekanikal
7	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Plastik)	Sijil Kejuruteraan Mekanikal
8	Diploma Kejuruteraan Mekatronik	Sijil Kejuruteraan Mekanikal
9	Diploma Kejuruteraan Automotif	Sijil Kejuruteraan Automotif
10	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Penyamanan Udara dan Penyejukbekuan)	Sijil Kejuruteraan Mekanikal (Penyamanan Udara dan Penyejukbekuan)
11	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Rekabentuk Pembuatan Automotif)	Sijil Kejuruteraan Mekanikal
12	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Rekabentuk Produk)	Sijil Kejuruteraan Mekanikal
13	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automasi)	Sijil Kejuruteraan Mekanikal
14	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pertanian)	Sijil Kejuruteraan Mekanikal

### Jabatan Kejuruteraan Petrokimia

<b>Bil</b>	<b>Program Diploma</b>	<b>Program Sijil Yang Boleh Dianugerahkan</b>
1	Diploma Kejuruteraan Proses (Petrokimia)	Sijil Kejuruteraan Petrokimia

### Jabatan Perdagangan

Bil	Program Diploma	Program Sijil Yang Boleh Dianugerahkan
1	Diploma Perniagaan Antarabangsa	Sijil Pengajian Perniagaan
2	Diploma Akauntasi	Sijil Penyimpan Kira
3	Diploma Insurans	Sijil Pengajian Perniagaan
4	Diploma Kewangan dan Perbankan	Sijil Penyimpan Kira
5	Diploma Pemasaran	Sijil Pengajian Perniagaan
6	Diploma Sains Kesetiausahaan	Sijil Pengajian Perniagaan
7	Diploma Pengurusan Peruncitan	Sijil Pengajian Perniagaan
8	Diploma Pengajian Perniagaan (E-Dagang)	Sijil Pengajian Perniagaan
9	Diploma Pengurusan Logistik dan Rangkaian Bekalan	Sijil Pengajian Perniagaan
10	Diploma Kewangan dan Perbankan Islam	Sijil Penyimpan Kira
11	Diploma Pengajian Perniagaan	Sijil Pengajian Perniagaan

### Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti

Bil	Program Diploma	Program Sijil Yang Boleh Dianugerahkan
1	Diploma Pengurusan Hotel dan Katering	Sijil Pengurusan Hotel dan Katering
2	Diploma Pengurusan Pelancongan	Sijil Pengurusan Pelancongan
3	Diploma Perkhidmatan Makanan (Amalan Halal)	TIADA
4	Diploma Pengurusan Acara	Sijil Pengurusan Pelancongan
5	Diploma Pengurusan Pelancongan (Taman Rekreasi)	Sijil Pengurusan Pelancongan

### Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual

Bil	Program Diploma	Program Sijil Yang Boleh Dianugerahkan
1	Diploma Rekabentuk Grafik	Sijil Rekabentuk Grafik
2	Diploma Rekabentuk Industri	Sijil Rekabentuk Industri
3	Diploma Rekabentuk Fesyen dan Pakaian	Sijil Rekaan Fesyen dan Pakaian
4	Diploma Seni Digital	Sijil Rekabentuk Grafik
5	Diploma Pengajian Video dan Filem	Sijil Rekabentuk Grafik
6	Diploma Teknologi Media Cetak	Sijil Rekabentuk Grafik

### Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

<b>Bil</b>	<b>Program Diploma</b>	<b>Program Sijil Yang Boleh Dianugerahkan</b>
1	Diploma Teknologi Maklumat (Rangkaian)	Sijil Teknologi Maklumat
2	Diploma Teknologi Maklumat (Pengaturcaraan)	Sijil Teknologi Maklumat
3	Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Permainan)	Sijil Teknologi Maklumat
4	Diploma Teknologi Maklumat (Keselamatan Maklumat)	Sijil Teknologi Maklumat

### Jabatan Teknologi Makanan

<b>Bil</b>	<b>Program Diploma</b>	<b>Program Sijil Yang Boleh Dianugerahkan</b>
1	Diploma Teknologi Makanan	Sijil Teknologi Makanan

### Jabatan Perkapalan

<b>Bil</b>	<b>Program Diploma</b>	<b>Program Sijil Yang Boleh Dianugerahkan</b>
1	Diploma Kejuruteraan Perkapalan	Sijil Kejuruteraan Mekanikal

### Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri

<b>Bil</b>	<b>Program Diploma</b>	<b>Program Sijil Yang Boleh Dianugerahkan</b>
1	Diploma Bioteknologi	TIADA
2	Diploma Agroteknologi	TIADA
3	Diploma Teknologi Akuakultur	TIADA
4	Diploma Hortikultur Landskap	TIADA

### Jabatan Kejuruteraan Penyelenggaraan Pesawat

<b>Bil</b>	<b>Program Diploma</b>	<b>Program Sijil Yang Boleh Dianugerahkan</b>
1	Diploma Kejuruteraan Penyelenggaraan Pesawat	Sijil Kejuruteraan Mekanikal

\*\*Sumber: Panduan Pengecualian Kursus Politeknik Edisi 3, Bahagian Pembangunan Kurikulum, JPP



**Senarai Jawatankuasa**  
**Panduan Dan Kaedah Penganugerahan Sijil Kepada Pelajar Gagal Dan**  
**Diberhentikan Program Diploma Politeknik KPM**  
**Edisi 1/2015**

**PENAUNG**

Datuk Hj Mohlis bin Jaafar

**PENASIHAT**

Tn Hj Azizi bin Lin  
Hjh Rusmina binti Ismail

**AHLI JAWATANKUASA**

Tn Hj Mat Abdul Shukor bin Abdul Wahab  
Mohd Rizal bin Abdul Raman  
Noraini binti Kamarudin  
Junnaini binti Johan  
Tn Hj Shahreen bin Ishak  
Mohamad Fauzi bin Che Pa  
Abdullah bin Yusoff  
Ahmad Yusof bin Sahdan  
Hjh Aminah binti Ishak  
Khairul Azhar bin Abdul Aziz  
Nadzri bin Che Kamis  
Shahzaril Fazlin bin Shafie  
Suhana binti Baharuddin  
Muhammad Nafi' Rezani bin Tahrir  
Nurulhuda Fithriana binti Mohd Ali